



UNIVERSITI PERTAHANAN NASIONAL MALAYSIA

IKLAN JAWATAN KENAIKAN PANGKAT KUMPULAN PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (BUKAN AKADEMIK) TAHUN 2022

Staf Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) yang sedang berkhidmat dan berkelayakan adalah dipelawa untuk memohon jawatan kenaikan pangkat seperti berikut:

| Bil. | Jawatan Kenaikan Pangkat |
|------|---|
| 1. | Pegawai Sains Gred C44 Jadual Gaji: RM 3,605.00 – RM 10,485.00 Jawatan Hakiki Pemohon: Pegawai Sains Gred C41 |
| 2. | Pegawai Teknologi Maklumat Gred F44 Jadual Gaji: RM 3,602.00 – RM 10,504.00 Jawatan Hakiki Pemohon: Pegawai Teknologi Maklumat Gred F41 |
| 3. | Pegawai Undang-Undang Gred L44 Jadual Gaji: RM 3,600.00 – RM 10,502.00 Jawatan Hakiki Pemohon: Pegawai Undang-Undang Gred L41 |

| Bil. | Jawatan Kenaikan Pangkat |
|------|---|
| 4. | <p>Pegawai Tadbir Gred N44 Jadual Gaji: RM 3,551.00 – RM 10,406.00</p> <p>Jawatan Hakiki Pemohon: Pegawai Tadbir Gred N41</p> |
| 5. | <p>Pustakawan Gred S44 Jadual Gaji: RM 3,551.00 – RM 10,406.00</p> <p>Jawatan Hakiki Pemohon: Pustakawan Gred S41</p> |
| 6. | <p>Pegawai Kewangan Gred W44 Jadual Gaji: RM 3,600.00 – RM 10,456.00</p> <p>Jawatan Hakiki Pemohon: Pegawai Kewangan Gred W41</p> |
| 7. | <p>Pegawai Penyelidik Gred Q44 Jadual Gaji: RM 3,602.00 – RM 10,504.00</p> <p>Jawatan Hakiki Pemohon: Pegawai Penyelidik Gred Q41</p> <p>* Syarat dan Kriteria Kenaikan Pangkat Bagi Skim Perkhidmatan Pegawai Penyelidik Gred Q Secara Fleksi (Rujuk Pekeliling Pejabat Pendaftar Bilangan 3 Tahun 2018)</p> |

PERKARA AM:

- a) Calon mestilah seorang staf tetap UPNM yang telah disahkan dalam perkhidmatan;
- b) Semua perbelanjaan bagi sebarang urusan kenaikan pangkat termasuk menghadiri temu duga adalah di bawah tanggungan calon sendiri;
- c) Kenaikan Pangkat Pengurusan & Profesional (Bukan Akademik) adalah berdasarkan kepada kekosongan jawatan yang memenuhi syarat lantikan atau berdasarkan kriteria kecemerlangan yang ditetapkan terutamanya kelayakan tempoh minimum perkhidmatan bagi waran fleksi; dan
- d) Kenaikan pangkat hendaklah berasaskan kepada kecemerlangan prestasi yang telah dicapai oleh staf dan tertakluk kepada kesesuaian calon serta juga perakuan oleh Jawatankuasa Kenaikan Pangkat.

SYARAT-SYARAT:

- 1) Syarat-syarat Umum Gred 41 ke Gred 44 (Laluan Biasa): Syarat umum kelayakan untuk memohon jawatan Gred 44 adalah seperti berikut:
- a) Telah disahkan dalam perkhidmatan;
 - b) Perkhidmatan di gred semasa telah melebihi tempoh lapan (8) tahun dalam skim perkhidmatan yang sama bagi jawatan kenaikan pangkat;
 - c) Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan (purata 85% ke atas) untuk tiga tahun berturut-turut;
 - d) Bebas daripada kes tatatertib;
 - e) Telah mengisyiharkan harta;
 - f) Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan
 - g) Bebas daripada kes salahlaku atau aduan salah guna kuasa dan tidak mempunyai keberhutangan serius iaitu seseorang staf yang mempunyai pendapatan bersih kurang daripada 40% akan dianggap sebagai keberhutangan serius.
- 2) Syarat-syarat Umum Gred 41 ke Gred 44 (Laluan *Fast Track*): Pegawai di Gred 41 yang mempamerkan prestasi sangat cemerlang, berkebolehan luar biasa, mampu menangani cabaran dan berdaya saing untuk mencapai KPI jabatan/ universiti serta terbukti rekod kecemerlangannya, Ketua Jabatan boleh mencalonkan pegawai untuk kenaikan pangkat secara *fast track*. Walau bagaimanapun, Pegawai mestilah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:
- a) Telah disahkan dalam perkhidmatan;
 - b) Perkhidmatan di gred semasa telah melebihi tempoh lima (5) tahun dalam skim perkhidmatan yang sama bagi jawatan kenaikan pangkat;
 - c) Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan (purata 85% ke atas) untuk tiga tahun berturut-turut;
 - d) Bebas daripada kes tatatertib;
 - e) Telah mengisyiharkan harta;
 - f) Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM); dan

- g) Bebas daripada kes salahlaku atau aduan salah guna kuasa dan tidak mempunyai keberhutangan serius iaitu seseorang staf yang mempunyai pendapatan bersih kurang daripada 40% akan dianggap sebagai keberhutangan serius.

Syarat Asas:

- a) Kehadiran ke pejabat yang memuaskan (rekod kehadiran, rekod cuti sakit dan cuti kecemasan);
- b) Kehadiran ke aktiviti/program utama universiti (sekurang-kurangnya lima (5) program utama universiti setahun); dan
- c) Perakuan serta sokongan Ketua Jabatan.

Syarat-syarat Tambahan:

- Syarat tambahan adalah seperti berikut:
- a) Semua permohonan akan ditapis dan hanya staf yang memenuhi syarat dan kelayakan di atas sahaja akan dipanggil temu duga;
 - b) Pengisian jawatan adalah tertakluk kepada kesesuaian calon serta perakuan oleh jawatankuasa Kenaikan Pangkat; dan
 - c) Berketerampilan dan mempunyai daya saing yang tinggi untuk menjayakan organisasi serta memikul tugas yang lebih besar;
 - d) Bagi skim perkhidmatan Pegawai Penyelidik Gred Q44, kenaikan pangkat adalah tertakluk kepada syarat dan kriteria kenaikan pangkat bagi skim perkhidmatan Pegawai Penyelidik Skim Gred Q secara fleksi (**Rujuk Pekeliling Pejabat Pendaftar Bilangan 3 Tahun 2018**).
 - e) Jawatankuasa Pemilih Kenaikan Pangkat Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) boleh memberi pertimbangan khas bagi mempelawa / memperakuan mana-mana pegawai yang berkelayakan dan tidak bersetuju untuk dipertimbangkan, demi kepentingan perkhidmatan atau apa-apa sebab lain yang difikirkan sesuai dan munasabah kepada pihak Universiti.

Tugasan:

Setiap pemohon adalah dikehendaki untuk menyediakan satu kertas kerja yang mengandungi perkara-perkara seperti berikut:

- a) Perancangan dan hala tuju yang akan dilaksanakan untuk Universiti dan FBJB sekiranya dinaikkan pangkat;
- b) Penglibatan/ Aktiviti peringkat Universiti yang diketuai dan masalah dihadapi serta penyelesaian kepada masalah tersebut;
- c) Pembahagian tugas dan bilangan staf di bawah seliaan; dan
- d) Sumbangan kepada Universiti sepanjang perkhidmatan.

BORANG PERMOHONAN

Borang permohonan boleh dimuat turun melalui laman web Mycampus <http://mycampus.upnm.edu.my/Portal/> seperti berikut:

- a) PEND (HRM) 021: Borang Permohonan Kenaikan Pangkat Staf Pengurusan & Profesional (Bukan Akademik)
- b) PEND (HRM) 022: Borang Penilaian Pemohon (Kenaikan Pangkat Staf Pengurusan & Profesional (Bukan Akademik))
- c) Borang Tapisan Keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

CARA PENGHANTARAN DAN TARIKH TUTUP PERMOHONAN

Permohonan yang lengkap hendaklah dihantar melalui Ketua FPJB ke:

**Unit Perjawatan, Pengambilan dan Laluan Kerjaya (Bukan Akademik)
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia
Pejabat Pendaftar
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
Kem Sg. Besi
57000 Kuala Lumpur**

Permohonan yang lengkap perlu dihantar sebelum atau pada **16 Disember 2022 (Jumaat)**.

Peringatan

- i. *Permohonan yang tidak lengkap serta lewat diterima dan tidak memenuhi syarat tidak akan diproses dan dianggap tidak berjaya.*
- ii. *Hanya calon yang memenuhi syarat dan melepassi saringan sahaja yang akan dipanggil ke sesi temu duga.*